

Pengajaran Sains, Matematik dalam BI ditentu 2008

Oleh SAIFULIZAM MOHAMAD

PUTRAJAYA 8 Nov. - Keputusan sama ada mahu meneruskan dasar pengajaran Sains dan Matematik dalam bahasa Inggeris di sekolah rendah hanya akan dibuat pada tahun 2008.

Menteri Pelajaran, Datuk Seri Hishammuddin Tun Hussein berkata, pada masa itu murid Tahun Satu yang mula-mula terlibat dengan dasar yang diperkenalkan pada tahun 2003 itu menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR).

Menurutnya, walaupun terdapat banyak desakan tetapi kerajaan tidak boleh menukar dasar itu 'di tengah jalan' kerana ia tidak adil dan boleh menganiaya pelajar yang sudah melaluinya.

"Kita kena menunggu dua tahun lagi

Kerajaan tidak boleh menukar dasar itu 'di tengah jalan' kerana ia tidak adil dan boleh menganiaya pelajar

sebelum memutuskan sebarang tindakan kerana kita mahu penilaian keseluruhannya dibuat ke atas kumpulan pelajar yang mula-mula mengikuti sistem itu pada tahun 2003," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat pasca Kabinet di pejabatnya di sini hari ini.

Beliau ditanya mengenai cadangan sesetengah pihak yang meminta kerajaan mengkaji semula penggunaan bahasa Inggeris dalam pengajaran dan pembelajaran Sains dan Matematik.

Isu tersebut yang pernah dibincangkan oleh beberapa pihak sebelum ini telah

dicetuskan semula pada konvensyen UMNO Johor baru-baru ini.

Hishammuddin berkata, pada tahun 2008 nanti kerajaan akan menentukan sama ada dasar itu akan diteruskan, diperbaiki, kembali ke dasar lama atau model pembelajaran baru akan diperkenalkan.

Beliau menarik perhatian, keputusan memperkenalkan subjek Sains dan Matematik dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (PMR) tahun lepas tidak menunjukkan penurunan dari segi pencapaian.

Katanya, pada masa ini kajian dan pe-

**HISHAMMUDDIN
HUSSEIN**
Menteri Pelajaran

um-9/11/2008
mantauan berterusan sedang dijalankan dan semua pihak termasuk parti politik boleh mengemukakan cadangan mereka kepada pihak kementerian.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak selaku Pengerusi Biro Pendidikan UMNO juga telah mengarahkan Hishammuddin untuk meneliti perkara tersebut.

"Kita menghormati pandangan semua pihak dan sentiasa mengambil kira keadaan semasa. Segala model yang boleh dijadikan alternatif akan dibentangkan kepada biro itu.

"Antara modelnya adalah seperti di Brunei. Sistem pembelajaran di negara tersebut menggunakan pengantar bahasa Melayu ketika di sekolah rendah tetapi ketika di sekolah menengah mereka menggunakan bahasa Inggeris," tambahnya.